

16/10/2002

Melayu diminta kikis pentingkan diri

BANGI, Selasa - Orang Melayu dan Islam perlu bersedia membuat perubahan serta melihat ke luar supaya mampu bersaing dengan kaum lain, kata Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata, sikap enggan mengambil contoh yang baik dari luar kerana mementingkan diri dan kelompok sendiri, tidak akan membawa orang Melayu dan Islam ke mana-mana.

"Dalam suasana seperti di Kuala Lumpur, jika orang Melayu dan Islam tidak bersedia bersaing, kita akan ketinggalan.

"Sebab itulah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kita boleh menerima perubahan seperti penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik supaya dalam jangka panjang, orang Melayu tidak ketinggalan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian wafat kepada 250 Sukarelawan al-Ansar di Kolej Islam Darul Ehsan di Bandar Seri Putra di sini, hari ini. Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Khalil juga kesal dengan sikap sesetengah pihak yang masih memperdebatkan mengenai kedudukan Malaysia sebagai negara Islam, sedangkan negara luar, terutama yang menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam, mengakui Malaysia negara Islam.

Katanya, pihak terbabit juga melemparkan pelbagai gelaran yang tidak menyenangkan kepada kerajaan dan Umno.

Zainal Abidin yang ditemui pemberita pula, berkata pasukan Sukarelawan al-Ansar yang ditubuhkan Kementerian Penerangan bertujuan menyatupadukan masyarakat serta memberi penerangan mengenai dasar dan masalah negara kepada orang ramai.

Katanya, pasukan sukarelawan yang ditubuhkan mulai Julai tahun lalu pada peringkat negeri dan kampung itu akan mengadakan kegiatan bagi merapatkan hubungan masyarakat serta menyampaikan maklumat dan maklum balas mengenai hal ehwal negara.

Beliau berkata, anggota sukarelawan itu terdiri daripada pelbagai profesion serta tidak berpihak kepada mana-mana parti.

"Ada sesetengah pihak tidak dapat menerima pandangan dan penerangan yang disampaikan agensi kerajaan. Oleh itu, menerusi kumpulan sukarelawan yang terdiri daripada pihak yang neutral ini, kita berharap mereka dapat penjelasan yang disampaikan.

"Tambahan pula sesetengah anggota sukarelawan ini juga menganggotai pertubuhan lain seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)," katanya.